

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
(PASIR MAS)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI (PASIR MAS)** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa peruntukan yang disalurkan kepada sekolah-sekolah kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tujuan penyelenggaraan bangunan bermula tahun 2016 sehingga 2021.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik, selamat dan kondusif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyalurkan peruntukan untuk menyelenggara sekolah kebangsaan yang masih ekonomik dibaiki mengikut keutamaan berdasarkan skala dalam Skor Gred Impak yang disyorkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Jabatan Kerja Raya (JKR). Penyaluran peruntukan penyelenggaraan kepada JPN/JKR adalah berdasarkan skop kerja penyelenggaraan yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Dalam tempoh 2016 hingga 2021, KPM telah membelanjakan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM2.309 bilion kepada sekolah kebangsaan di bawah KPM. pecahan peruntukan serta jumlah sekolah-sekolah kebangsaan yang telah diselenggara adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BIL. SEKOLAH</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM-JUTA)</b>
2016	4,010	158.10
2017	6,518	446.67
2018	6,010	404.62
2019	6,653	454.06
2020	5,510	402.70
2021	6,576	443.59
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,309.74</b>